



**BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AWAM  
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA**

**SELF ASSESSMENT PENGURUSAN KEWANGAN**

**TEMPOH PENILAIAN: ..... HINGGA .....**

Nama Pejabat : \_\_\_\_\_

Perkara yang dinilai : Pengurusan Kenderaan

Objektif : Untuk Memastikan Pengurusan Kenderaan Kerajaan Dilaksanakan Dengan Berkesan Dan Teratur.

Berikut adalah penilaian terhadap perkara mengenai pengurusan kenderaan Kerajaan bagi tempoh pengurusan kewangan yang dinyatakan untuk diberikan makluman/ulasan/tindakan:

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB )
1.	(Pegawai Kenderaan)	Pegawai Kenderaan dilantik oleh Ketua Jabatan.  <b>Peraturan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• WP 4.1</li></ul>	i. Adakah Pegawai Kenderaan telah dilantik oleh Ketua Jabatan secara bertulis?		
		Pegawai kenderaan yang dilantik seboleh-bolehnya mempunyai kelayakan dalam bidang automotif/ mekanikal  <b>Peraturan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• WP 4.1</li></ul>	ii. Kementerian/ Jabatan yang mempunyai lebih daripada 20 buah kenderaan hendaklah melantik Pegawai Kenderaan sepenuh masa dan seboleh-bolehnya yang mempunyai sijil dalam bidang kejuruteraan automotif/ mekanikal.	Kelulusan diiktiraf dalam bidang automotif/ mekanikal.	
		Fail Kenderaan diselenggara bagi setiap kenderaan.  <b>Peraturan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• WP 4.1</li></ul>	iii. Adakah fail kenderaan diselenggara bagi setiap kenderaan dengan lengkap dan kemas kini?		
		Pegawai yang membawa kenderaan rasmi Jabatan telah dilantik.	iv. Pegawai yang membawa kenderaan selain daripada pemandu telah diberi kebenaran bertulis oleh Ketua Jabatan.	Bukti bertulis kebenaran untuk membawa kenderaan rasmi Jabatan telah diberikan.	
2.	Kawalan Penggunaan Kenderaan	Setiap kenderaan Kerajaan dibekalkan dengan Buku Log bagi tujuan mengawal dan memantau kenderaan.  <b>Peraturan:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• WP 4.1</li></ul>	i. Adakah Buku Log Kenderaan disediakan bagi setiap kenderaan?	Buku Log Kenderaan disediakan bagi setiap kenderaan.	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB )
		<p>Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>ii. Adakah Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini?</p> <p>iii. Adakah Buku Log diserahkan oleh Pemandu pada hari akhir setiap bulan untuk pengesahan Pegawai Kenderaan dan menyerahkan helaian asal Butiran Penggunaan kenderaan yang telah disahkan kepada Pegawai Kenderaan?</p>	<p>Catatan pada setiap ruangan dalam Buku Log direkod dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>Buku Log diserahkan kepada pegawai kenderaan setiap akhir bulan untuk pengesahan.</p>	
		<p>Pegawai Kenderaan memeriksa Buku Log dan membuat pengesahan pengiraan Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan selewat-lewatnya sebelum 10hb bulan berikutnya.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>iv. Adakah Buku Log diperiksa dan pengesahan pengiraan Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat oleh Pegawai Kenderaan selewat-lewatnya sebelum 10hb bulan berikutnya?</p>		
		<p>Ketua Jabatan membuat pemeriksaan mengejut ke atas penggunaan Buku Log sekurang-kurangnya sekali setahun.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>v. Adakah Ketua Jabatan membuat pemeriksaan mengejut ke atas penggunaan Buku Log sekurang-kurangnya sekali setahun?</p>	<p>Ada bukti Buku Log diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun dan ditandatangani ringkas serta dicatatkan tarikh pemeriksaan oleh Ketua Jabatan.</p>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB)
		<p>Ulasan berkenaan dengan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat setiap enam (6) bulan oleh Pegawai Kenderaan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>vi. Adakah ulasan terhadap Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan setiap enam (6) bulan dibuat oleh Pegawai Kenderaan?</p>	<p>Lampiran C4 – Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat ulasan oleh Pegawai Kenderaan.</p>	
		<p>Ulasan tahunan berkenaan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat oleh Ketua Jabatan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>vii. Adakah ulasan tahunan berkenaan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat oleh Ketua Jabatan?</p>	<p>Lampiran C4 – Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan dibuat ulasan oleh Ketua Jabatan.</p>	
		<p>Pemandu/ pegawai yang menggunakan kenderaan bertanggungjawab untuk menyelesaikan notis kesalahan lalu lintas/ saman.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>viii. Adakah notis kesalahan lalu lintas/ saman telah diselesaikan oleh pemandu / pegawai pengguna?</p> <p>Sekiranya belum, adakah peringatan bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan?</p> <p>ix. Sekiranya pemandu/ pegawai pengguna tidak menyelesaikan saman tertunggak setelah diberi peringatan bertulis dalam tempoh sebulan, adakah tindakan seterusnya dilaksanakan oleh Ketua Jabatan?</p>	<p>Tiada kesalahan lalu lintas/ saman terhadap Jabatan/ Agensi.</p> <p>Tindakan berikut hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Membuat proses tukar nama saman daripada Kementerian/ Jabatan kepada pemandu/ pegawai pengguna; ATAU</li> <li>b. Mendahulukan bayaran saman dengan peruntukan Kementerian/ Jabatan dan mengambil tindakan memotong gaji pemandu/ pegawai pengguna secara sekali gus atau ansuran mengikut jumlah saman.</li> </ol>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB)
		<p>Kenderaan Jabatan digunakan untuk tujuan rasmi</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	xii. Adakah kenderaan Jabatan digunakan untuk tujuan rasmi sahaja?	Penggunaan Kenderaan Jabatan adalah untuk tujuan rasmi sahaja dan secara guna sama oleh pegawai-pegawai yang tidak dibekalkan kereta rasmi jawatan.	
		<p>Kenderaan Kerajaan disimpan dalam kawasan pejabat di tempat berbumbung semasa tidak digunakan dan selamat kecuali sekiranya kemudahan tersebut tidak dapat disediakan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	xiii. Adakah kenderaan Kerajaan kecuali Kenderaan Rasmi jawatan disimpan dalam kawasan pejabat di tempat berbumbung dan selamat?	<p>Kenderaan disimpan di dalam kawasan pejabat di tempat berbumbung dan selamat.</p> <p>Bagi Jabatan yang mempunyai pengawal Keselamatan, rondaan berjadual hendaklah dilakukan ke atas depoh atau tempat simpanan berkenaan.</p>	
		<p>Kenderaan Kerajaan hendaklah sentiasa dikunci dengan selamat apabila tidak digunakan dan semua set kunci disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa semasa kenderaan tidak digunakan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>xiv. Adakah kenderaan Kerajaan sentiasa dikunci apabila tidak digunakan?</p> <p>xv. Adakah semua set kunci disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa semasa kenderaan tidak digunakan?</p>	<p>Semua Kenderaan Kerajaan sentiasa dikunci apabila tidak digunakan.</p> <p>Semua set kunci disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa.</p> <p>Satu set kunci hendaklah diberi kepada pemandu semasa bertugas dan satu set lagi disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa.</p>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB )
3.	Kawalan Kad Inden Bahan Api	<p>Kad Inden dikeluarkan, disimpan dan digunakan dengan teratur.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>i. Adakah kad inden bahan api disimpan oleh Pegawai Kenderaan?</p> <p>ii. Adakah pengeluaran dan penggunaan kad inden mengikut jenis kad inden yang dibenarkan.</p>	<p>Pegawai Kenderaan hendaklah menyimpan kad inden melainkan sekiranya ada keperluan mengisi bahan api.</p> <p>1. <b>Kad Individu [Kad Standalone (Petronas) atau Kad B (Shell)]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad yang dibekalkan kepada Pegawai yang diperuntukkan Kereta Rasmi Jawatan.</li> </ul> <p>2. <b>Kad Pemandu [Kad Driver (Petronas) atau Kad Pemandu (Shell)]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad yang dibekalkan kepada setiap pemandu dan mesti digunakan bersama-sama Kad Kenderaan.</li> </ul> <p>3. <b>Kad Kenderaan [Kad Vehicle (Petronas) atau Kad Kenderaan (Shell)]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad yang dibekalkan bagi setiap kenderaan dan mesti digunakan bersama-sama Kad Pemandu.</li> </ul> <p>4. <b>Kad Pegawai Kenderaan [Kad Fleet Manager (Petronas) atau Kad Master (Shell)]</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad yang dibekalkan kepada Ketua Jabatan atau Pegawai Kenderaan dan hanya boleh digunakan apabila ada keperluan.</li> </ul>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB)
			iii. Adakah buku rekod pergerakan Kad Inden kenderaan di selenggara dengan lengkap dan kemas kini? iv. Adakah buku rekod pergerakan Kad Inden diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa? v. Adakah pemandu/ pemegang kad individu menyemak dan mengesahkan penyata pembelian berdasarkan resit-resit pembelian? vi. Adakah resit pembelian bahan api disimpan dengan teratur?	Semua ruangan dalam Buku Rekod Pergerakan Kad Inden direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa. Pengesahan hendaklah dibuat oleh pemandu/ pemegang kad individu bagi mengesahkan pembayaran yang telah dibuat melalui Sistem Pukal. Semua resit pembelian bahan api disimpan dengan teratur.	
4.	Kawalan Kad Elektronik Bagi Pembayaran Tol Tanpa Resit	Perolehan dan Pengagihan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan <i>SmartTAG</i> diselenggarakan dengan lengkap  <u>Peraturan:</u> • WP 4.1	i. Adakah senarai Perolehan dan Pengagihan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan <i>SmartTAG</i> diselenggarakan dengan lengkap?  ii. Adakah <i>SmartTAG</i> direkodkan sebagai Aset Alih Bernilai Rendah?	Semua perolehan dan Pengagihan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit dan <i>SmartTAG</i> diselenggarakan dengan lengkap.  Semua <i>SmartTAG</i> kenderaan Jabatan hendaklah didaftarkan sebagai Aset Alih Bernilai Rendah.	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB)
		<p>Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (Touch 'n Go) disimpan dan digunakan dengan teratur.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>iii. Adakah Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit disimpan oleh Pegawai Kenderaan?</p> <p>iv. Adakah Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta mengikut format yang ditetapkan?</p> <p>v. Adakah Pegawai Kenderaan mencetak/ menerima penyata bulanan dari syarikat pembekal bagi tujuan penyemakan?</p> <p>vi. Adakah penyata bulanan disemak bagi memastikan tidak berlaku penyalahgunaan?</p>	<p>Semua Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit disimpan oleh Pegawai Kenderaan.</p> <p>Semua ruangan dalam Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit diisi dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>Pegawai Kenderaan mencetak/ menerima penyata bulanan dari syarikat pembekal setiap bulan bagi tujuan penyemakan.  Cetakan boleh dibuat melalui sistem yang disediakan oleh pembekal Touch N Go/ Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit.</p> <p>Penyata Bulanan disemak dengan Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit.</p>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/ X/TB)
5.	Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan Selain Kereta Konsesi	<p>Peraturan penyenggaraan dilakukan mengikut pekeliling ditetapkan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.1</li> </ul>	<p>i. Adakah kenderaan Kerajaan disenggara secara berjadual?</p> <p>ii. Adakah penyenggaraan yang telah dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Rekod Penyelenggaraan Aset Alih.</p> <p>iii. Adakah kos penyenggaraan dan pemberian yang melebihi RM3,000 bagi motosikal, RM5,000 bagi kereta saloon, RM9,000 bagi kenderaan ringan lain dan RM15,000 bagi kenderaan berat dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR)?</p>	<p>Kenderaan Jabatan disenggara mengikut jadual yang ditetapkan pada buku manual penyenggaraan/ Program Penyenggaraan Berjadual.</p> <p>Semua penyenggaraan yang telah dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Rekod Penyelenggaraan Aset Alih.</p>	
6.	Pengurusan Kemalangan Kenderaan Kerajaan	<p>Urusan kemalangan kenderaan Kerajaan telah dilakukan mengikut pekeliling ditetapkan.</p> <p><b>Peraturan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• WP 4.2</li> </ul>	<p>i. Adakah Pemandu melaporkan kemalangan ke Balai Polis berhampiran dalam tempoh 24 jam dari kemalangan berlaku?</p> <p>ii. Borang Kemalangan Am 362A diisi dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dalam tempoh 48 jam dari kemalangan berlaku.</p>	<p>Butiran pada Laporan polis yang dibuat menunjukkan laporan kemalangan dibuat dalam tempoh 24 jam dari kemalangan berlaku.</p> <p>Borang Kemalangan Am 362A disediakan dengan lengkap. Ruangan tarikh dan masa laporan (Am 362A) hendaklah tidak melebihi 48 jam dari waktu kemalangan berlaku.</p>	

Bil.	Dokumen/Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak/Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/X/TB)
			<p>iii. Ketua Jabatan mengemukakan maklumat berkenaan kemalangan dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya kemalangan kepada Pegawai Undang-undang (PUU) Kementerian/ Jabatan atau Ketua Bahagian Sivil, Jabatan Peguam Negara dalam tempoh 30 hari dari tarikh berlakunya kemalangan.</p> <p>(a) Borang Laporan Kemalangan yang telah diisi;</p> <p>(b) Laporan Jurutera yang mengandungi maklumat-maklumat dan pendapat laporan kerosakan dan anggaran kos pembaikan;</p> <p>(c) Laporan Perubatan mangsa-mangsa kemalangan;</p> <p>(d) Laporan Polis;</p> <p>(e) Borang Laporan Kerosakan Am 362B; dan</p> <p>(f) Maklumat-maklumat lain yang bersabit dengan kemalangan.</p> <p>Jika tidak dapat dikemukakan dokumen-dokumen seperti yang dikehendaki seperti di atas kepada PUU dalam tempoh 30 hari daripada tarikh berlakunya kemalangan itu, keterangan mengenai kelewatan menghantar laporan kemalangan tersebut hendaklah dihantar kepada PUU oleh Ketua Jabatan pada atau sebelum hari ke-30.</p>		